

PENGGUNAAN *MAŞLAHAH* DALAM FATWA:
KAJIAN KES BAGI FATWA-FATWA YANG
DIKELUARKAN OLEH MAJLIS FATWA
KEBANGSAAN MALAYSIA

MOHD NAZRI BIN ASIABU

DESERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN FIQH DAN USUL
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2004



Perpustakaan Universiti Malaya

A511654409

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصْفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا
حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ
إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ
لَا يَفْلُحُونَ

TERJEMAHANNYA:

“DAN JANGANLAH KAMU MENGATAKAN TERHADAP APA YANG DISEBUT-SEBUT OLEH LIDAHMU SECARA DUSTA “INI HALAL DAN INI HARAM”, UNTUK MENGADA-ADAKAN KEBOHONGAN TERHADAP ALLAH. SESUNGGUNHYA ORANG YANG MENGADA-ADAKAN KEBOHONGAN TERHADAP ALLAH TIADA BERUNTUNG”

SURAH AL-NAHL (16) : 116.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui penggunaan sumber hukum *tabi'yyah* iaitu *maṣlahah* dalam penentuan hukum Islam oleh para ulama^{*} khususnya yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan juga penggunaannya pada zaman lampau. Pengelasan fatwa mengikut kategori tertentu telah membantu untuk mengesan sejauhmana penggunaan prinsip *maṣlahah* menepati kehendak syara^t. Kajian ini bukan bertujuan untuk mempertikaikan keputusan *muzakarah* Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tetapi sebagai rangka mendalami sejauhmana penggunaannya terhadap kes-kes baru yang tiada nas. Kajian ini turut menyentuh tentang peranan dan pengaruh pengamalan prinsip *maṣlahah* dalam pembaharuan hukum dalam konteks Malaysia, di samping saranan-saranan bagi meningkatkan kredibiliti badan fatwa yang ditubuhkan agar kewujudannya dihormati oleh semua pihak.

ABSTRACT

This study was conducted to identify the usage of *maslahah*, as a source in determining the Islamic Laws by Muslim scholars as well as which were being produced by the National Fatwa Council Committee. The classification of fatwa according to its categories will assist the author to identify whether the application of *maslahah* is in agreement with Islam. The discussion of those fatwas is not meant to argue its authority. However, it is meant to understand thoroughly how the concept of *maslahah* is applied in such as case that there is no such legal text (*nass*) available. At the end of this dissertation, it describes the roles of *maslahah's* principle in developing Islamic law in Malaysia. Some suggestions are highlighted in order to strengthen the credibility of fatwa's authority

خلاصة البحث

يهدف هذا البحث إلى معرفة ضوابط المصلحة ومناقشتها دورها في استنباط الأحكام وكيف تخرجلجنة الإفتاء التابعة للشئون الدينية للماليزية الأحكام في المسائل المستجدة بناء على هذا الأصل (المصلحة)، بالإضافة إلى ذلك تقديم موجز عن دور أمثال هذه الهيئات المعطرة على مدى التاريخ. وعن طريق تقسيم الفتاوى لديها إلى فصول معينة تساعد الباحث على معرفة سر المصلحة المستعملة في ظل جوهر الشرع. هذه الاكتشافات ليس الغرض منها معارضه ما اتفق عليه العلماء بل مجرد مقارنة بين ما طبقته أمثال هذه الهيئات وما تطبقه الهيئات المتخصصة في هذه البلاد و مدى استعدادها لتلبية حاجيات المجتمع كما يقدم البحث جملة من المقتراحات تهدف إلى تعديل هيئة الإفتاء والنهوض بعملها حتى تستطيع القيام بالدور المنوط بها، إضافة إلى النظر في مدى أهمية أصل المصلحة كاصل تخرج عليه اللجنة المذكورة الأحكام في ماليزيا.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الخالق الباري المصور له الأسماء الحسنى الذي انزل علي عبده الكتاب ولم يجعل له عوجا، ليخرج الناس منظلمات الي النور بإذن ربهم الى صراط العريز الحميد، والصلوة والسلام على هادي البشر سيدنا ومولانا محمد عربى مبعوث رحمة للعالمين وعلى الله ومن اهتدى بمحديه والتزم بستنه الى يوم الدين

Alhamdulillah, Bersyukur kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya terhasil juga penulisan yang serba ɏaif ini.

Pertama sekali penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang teristimewa buat kedua ibubapa penulis yang selama ini tidak jemu-jemu memberi dorongan dan perangsang kepada penulis untuk terus menyiapkan kajian ilmiah ini.

Penghargaan ini juga penulis lemparkan kepada isteri penulis Nafisah bt. Musa Fathullah Harun dan anak-anak penulis ‘Afifah, Nabilah, Ramadhan dan Mutawalli kerana sanggup melayan kerenah penulis ketika buntu dalam penulisan ini.

Seterusnya, jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Ustaz Md Saleh bin Haji Md @ Haji Ahmad Selaku penyelia penulis, kerana telah banyak membantu dan membimbing penulis sehingga terhasilnya kajian ilmiah


ini. Begitu juga tidak dilupakan juga kepada semua pensyarah yang telah banyak menabur budi mencerahkan segala ilmu dan pengalaman kepada penulis.

Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak dan individu yang telibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penulis menyiapkan kajian ilmiah ini terutamanya pihak JAKIM, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Mufti Wilayah dan pihak Universiti Malaya sendiri yang telah sudi memberikan kerjasama untuk membantu penulis bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan penulisan ilmiah ini.

Buat akhirnya, kepada Allah s.w.t saya memohon segala pertolongan dan kemudahan, taufiq dan hidayahNya dan membimbing kejalan yang direhmaaNya. Sesungguhnya Allah s.w.t. lah sebaik-baik Pembimbing dan sebaik-baik Pemberi pertolongan.

Wassalam

Penulis,



Lot 3579 Jalan Haji Taib,
Batu 7, Kampung Jalan Kebun,
42450 Klang Selangor Darul Ehsan.

DAFTAR ISI

Halaman Tajuk	
Halaman Moto	
Abstrak	i
Abstract	ii
<i>Khulāṣah al-Baḥth</i>	iii
Penghargaan	iv
Daftar Isi	vi
Senarai Rajah	xi
Senarai Jadual	xii
Senarai Kependekan	xiii
Senarai Lampiran	xiv
Transliterasi	xv

PENDAHULUAN

1. Pengenalan	1
2. Latar Belakang Kajian	1
3. Kenyataan Tentang Masalah Kajian	3
4. Objektif Kajian	3
5. Hipotesis Kajian	4
6. Skop Kajian	4
7. Huraian Istilah	5
8. Ulasan Penulisan (<i>Review of literature</i>)	6
9. Metode Kajian	7

10. Pembahagian Bab	10
---------------------	----

BAB I

MAŞLAHAH DALAM SYARIAT ISLAM

1.1 Pendahuluan	15
1.2 Definisi <i>al-Maşlahah</i>	20
1.2.1 Sudut Bahasa	20
1.2.2 Istilah Syarak	21
1.3 Pembahagian <i>al-Maşālih</i> Menurut Perspektif Syarak	25
1.3.1 <i>Maşlahah Darūriyah</i>	26
1.3.2 <i>Maşlahah Ḥājiyyah</i>	30
1.3.3 <i>Maşlahah Taḥṣīniyyah</i>	33
1.4 Pembahagian <i>al-Maşlahah</i> Menurut Perspektif Syarak	40
1.4.1 <i>Maşlahah Mu'tabarah</i>	41
1.4.2 <i>Maşlahah Mulghā</i>	42
1.4.3 <i>Maşlahah Mursalah</i>	44

BAB II

MAJLIS FATWA KEBANGSAAN MALAYSIA

2.1 Pendahuluan	46
2.2 Sejarah Penubuhan	48
2.3 Matlamat Penubuhan	54

2.4	Organisasi Dan Struktur Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan	58
1.5	Garis Panduan Dalam Pengeluaran Fatwa Oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan	61
2.6	Dominasi Fatwa Dalam Islam	62
2.6.1	Pengertian Fatwa	63
2.6.2	Syarat Fatwa	67
2.6.3	Fatwa Dalam Sejarah	69
	2.6.3.1 Fatwa Pada Period Sahabat	70
	2.6.3.2 Fatwa Pada Period <i>Tābi'īn</i> Dan <i>Atbā' Tābi'īn</i>	79
2.6.4	Etika Seorang Mufti	83
2.6.5	Kategori Mufti	89
2.6.6	Martabat Fatwa Dalam Syariat Islam	94
2.7	Rumusan	97

BAB III

ANALISIS PENGGUNAAN *MAŞLAHAH* DALAM FATWA YANG DIKELUARKAN OLEH MAJLIS FATWA KEBANGSAAN MALAYSIA

3.1	Pendahuluan	99
3.2	Penggunaan <i>Maşlahah</i> Berpandukan Kategori Dan Relevennya Mengikut Kehendak Syarak	103
3.3	Kekerapan Penggunaan <i>Maşlahah</i>	104

3.4 Pengkelasan Penggunaan <i>Maṣlaḥah</i> Dan Pengamalannya Mengikut Syarak	110
3.4.1 Kategori Ibadat	113
3.4.2 Kategori Perubatan	116
3.4.3 Kategori Perkahwinan	120
3.4.4 Kategori Sosial/Ehwal Semasa	123
3.4.5 Kategori Zakat	127
3.4.6 Kategori Ekonomi/ Kewangan	130
3.4.7 Kategori Pakaian	134
3.5 Perkembangan Sains Teknologi Moden Dan Pengaruhnya Terhadap <i>Maṣlaḥah</i> Baru	136
3.6 Rumusan	139

BAB IV

PENUTUP

4.1 Pendahuluan	145
4.2 Rumusan	145
4.2.1 Kedudukan <i>Maṣlaḥah</i> Dalam Perundangan Islam	145
4.2.2 Kedudukan <i>Maṣlaḥah</i> Dalam Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan	148
4.2.3 Keutamaan Penghayatan Prinsip <i>Maṣlaḥah</i>	153
4.2.4 Pengaruh Prinsip Selain <i>Maṣlaḥah</i> Dalam Fatwa	156

4.3 Kritikan Dan Cadangan 157

Bibliografi 160

Lampiran 167

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1: (Kekerapan Penggunaan *Maslahah* Dalam Fatwa)

Rajah 3.2: (Kekerapan Penggunaan *Maslahah* Dalam Fatwa Berdasarkan
Tahun)

SENARAI JADUAL

- Jadual 3.1 : (Keputusan Jawatankuasa Fatwa pada tahun 1982)
- Jadual 3.2 : (Keputusan Jawatankuasa Fatwa pada tahun 1987)
- Jadual 3.3 : (Penggunaan Prinsip *Maṣlahah* Mengikut Kategori Dari Tahun 1970-90)
- Jadual 3.4 : (Penggunaan *Maṣlahah* Dalam Ibadah)
- Jadual 3.5 : (Penggunaan *Maṣlahah* Dalam Perubatan)
- Jadual 3.6 : (Penggunaan *Maṣlahah* Dalam Perkahwinan)
- Jaduan 3.7 : (Penggunaan *Maṣlahah* Dalam Sosial/Ehwal Semasa)
- Jaduan 3.8 : (Penggunaan *Maṣlahah* Dalam Zakat)
- Jadual 3.9 : (Penggunaan *Maṣlahah* Dalam Kategori Pakaian)
- Jadual 3.10 :(Keputusan Muzakarah Terhadap Kes-Kes Berkaitan Perkembangan Sains Teknologi Moden)

SENARAI KEPENDEKAN

s.w.t	Subhanahu wa Ta'ala
s.a.w	Sallallahu 'alaihi wasallam
a.s	'alaihissalam
t.t	tanpa tahun
t.p	tanpa penerbit
Cet	cetakan
Hlm.	Halaman
H	Hijrah
M	Masihi
Et.al	Penulis lebih daripada Satu
Ibid	Ibidem " Pada tempat yang sama "
Op.cit	Opera citato " Dalam Karya tersebut "

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A : PERATURAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA
- LAMPIRAN B : PERTUKARAN JANTINA
- LAMPIRAN C: GELATIN DALAM UBAT
- LAMPIRAN D: PEMINDAHAN ORGAN
- LAMPIRAN E: IMUNISASI HEPATITIS B
- LAMPIRAN F: TERNAKAN HAIWAN DUA ALAM
- LAMPIRAN G: SOLAT JUMAAT POLIS DAN TENTERA YANG BERTUGAS
- LAMPIRAN H: PENYUNTIKAN “HIGHLY PURIFIED” INSULIN DARIPADA BABI
- LAMPIRAN I: PERANCANGAN KELUARGA
- LAMPIRAN J: PAMERAN KHAZANAH DARI KUBUR
- LAMPIRAN K: SISTEM METRIK DALAM PEMBAYARAN ZAKAT
- LAMPIRAN L: WANG FAEDAH
- LAMPIRAN M: PROJEK BAJU TRADISIONAL PAKAIAN ANAK-ANAK PATUNG PERMAINAN KANAK-KANAK
- LAMPIRAN N: INSURANS
- LAMPIRAN O : PENGGUNAAN “ELECTRICAL STUNNING” DALAM PENYEMBELIHAN LEMBU

TRANSLITERASI

2. Konsonan

Konsonan pada huruf ‘arab tidak selamanya sepadan dengan konsonan huruf rumi. Pada beberapa konsonan tertentu, konsonan tersebut boleh dirumikan, tetapi pada beberapa konsonan tertentu pula terpaksa dilakukan beberapa tambahan. Keadaan tersebut dapat dilihat seperti di bawah

Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi

ء, إ	=	a , ' (Hamzah)	ط	=	t
ب	=	b	ظ	=	z
ت	=	t	ع	=	'
ث	=	th	غ	=	gh
ج	=	j	ف	=	f
ح	=	h	ق	=	q
خ	=	kh	ك	=	k
د	=	d	ل	=	l
ذ	=	dh	م	=	m
ر	=	r	ن	=	n
ز	=	z	و	=	w

ω , s

$$s = h$$

ش = sy

• = ?

$$\rho = s$$

$$\bar{s} = \underline{h}$$

$$\varphi = d$$

$$y = y$$

3.

Vokal

Dalam sistem vokal arab terdapat vokal pendek, vokal panjang dan diftong

1. Pendek 2. Panjang 3. Diftong

a

ā

ای ____ay

— i —

۱۰

او aw

10

4 ü

— — — iy/ɪ

www

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Pengenalan

Kajian ini berkaitan dengan pengambilan salah satu konsep sumber hukum Islam (*Maṣādir al-Syarī'ah*) iaitu maslahah. Satu kajian khusus mengenai konsep maslahah dan penggunaannya dalam fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan. Bidang kajian ini menjurus kepada persoalan fiqh dan *uṣūl al-fiqh*. Manakala skop kajiannya pula berlegar dalam permasalahan yang berkaitan dengan *'ibādah, mu'amalah, jenāyah* dan *'aqīdah*.

Di samping itu juga penjelasan mengenai peranan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, tugas-tugasan dan pengamatan terhadap prosedur yang diguna pakai dalam memutuskan sesuatu fatwa dan sejauhmanakah perlaksanaannya, memenuhi sebahagian dari kajian ini.

2. Latarbelakang masalah kajian.

Islam adalah agama (*al-dīn*) atau panduan hidup yang diturunkan kepada manusia, meliputi segenap aspek kehidupan, rohani dan jasmani. Kerangka kehidupan yang sejahtera dipaparkan kepada manusia kerana manusia tidak mampu memperolehi kesejahteraan hidup tanpa bingkai-bingkai peradaban.

Ini dinyatakan sendiri oleh Allah swt. melalui firmanNya:

فَاقِمْ وَجْهَكَ لِلَّدِينِ حَنِيفًا فَطْرَةُ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ
الَّدِينُ الْقَيْمَ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسَ لَا يَعْلَمُونَ

Terjemahannya:

“Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah); (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”

Surah al-Rūm (30) : 30.

Berpandukan kepada lingkungan *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* manusia dibimbing untuk taat dan patuh kepada perintah Allah swt. kerana potensi naluri fitrah manusia kepada ketauhidan.

Meskipun begitu, biarpun ada nas-nas hukum mengenai lingkungan manusia namun jumlahnya adalah terbatas, sedangkan perkembangan zaman menyumbang kepada pertambahan permasalahan manusia. Maka di sinilah peranan para ulamak dan mujtahid memahami *al-Qur'ān* dan *al-Hadīth* dalam usaha mengeluarkan hukum baru bagi menghadapi manifestasi terhadap perkembangan lingkungan manusia.

Al-Qur'ān, *al-Sunnah*, *Ijma'* dan *Qiyās* merupakan sumber asli dalam pengambilan dan pengeluaran hukum Islam, manakala *al-istihsān* dan *al-maṣāliḥ al-mursalah*, *al-istiṣḥab*, *al-'urf*, *syar'* *man qablinā* dan lain-lain merupakan sumber *tab'iyyah* yang merupakan terbitan dari sumber yang asli. Setelah merujuk kepada sumber yang asli maka tidak ada alasan bagi manusia untuk menafikan kepentingan *tab'iyyah*.

Maklumat-maklumat yang telah diperolehi mengenai penetapan hukum berdasarkan sumber hukum *tab'iyyah* adalah penting sebagai persiapan kepada penulis menghadapi situasi masyarakat akan datang dan menanganinya bersandarkan kepada keputusan yang telah diambil oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

3. Kenyataan tentang masalah kajian

Terdapat beberapa masalah kajian yang menuntut kepada pengkajian terhadap persoalan *maṣlahah* ini.

- i. Mengambil mudah pengamalan prinsip *maṣlahah* dalam menetapkan sesuatu hukum tanpa memahami kesesuaian dan keperluannya.
- ii. Campur tangan politik dalam setiap keputusan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan sehingga fatwa yang telah diputuskan tidak dapat dilaksanakan dalam masyarakat.
- iii. Adakah pengamalan *maṣlahah* benar-benar mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh para ulama⁴ atau ada pengaruh politik.

4. Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan dan tujuan, antaranya;

- i. Menjelaskan *Maṣlahah* dalam Islam serta pengamalannya pada zaman awal Islam

- ii. Pengamalan *maṣlaḥah* dalam proses menyelesaikan masalah baru oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
- iii. Menganalisis keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adakah ia benar-benar menepati kehendak syara' dan melihat sejauhmana pengamalannya dalam masyarakat.

5. Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis menjadi latar belakang dan panduan bagi kajian ini. Antaranya konsep *al-Masāliḥ* yang merupakan salah satu daripada kaedah penetapan hukum. Kesesuaian konsep tersebut dan kepentingannya memenuhi segenap dimensi kehidupan kini terutamanya pemakaianya dalam fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Hipotesis seterusnya beranggapan walaupun ulamak berselisih pendapat mengenai konsep *maṣlaḥah* sebagai salah satu sumber hukum terutama sekali dari kalangan ulamak *madhhab* yang empat, namun pemakaianya lebih sesuai ketika ini untuk membantu merealisasikan hukum di kalangan masyarakat yang serba moden.

6. Skop Kajian

Kajian ini akan difokuskan kepada fatwa-fatwa yang bertunjangkan konsep *maṣlaḥah* yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dari tahun 1970 hingga 1990 yang melibatkan fatwa-fatwa berkaitan dengan perkara

ibadat, perubatan, perkahwinan, sosial/ehwal semasa, zakat, ekonomi/kewangan dan pakaian. Di samping itu, kajian ini cenderung kepada pengamatan terhadap ketepatan dan kesesuaian penetapan hukum melalui penggunaan maslahah sebagai mekanisma hukum.

7. Huraian Istilah

Maslahah adalah kata arab yang sudah menjadi kata nama dalam Bahasa Malaysia (maslahat) yang membawa pengertian sesuatu yang berfaedah – (berguna), usaha dan sebagainya yang mendatangkan faedah, atau sesuatu yang dilakukan oleh seseorang di atas kerja yang menghasilkan manfa'at baginya atau terhadap yang lain.

Para ulamak telah mendefinisikan maslahah dengan menampilkan berbagai pendekatan umpamanya: *maslahah* ialah manfa'at yang dituju oleh syā'i' Yang Maha Bijaksana kepada hambaNya dalam bentuk pemeliharaan agama, jiwa, keturunan, akal dan harta mereka sesuai dengan urusan manfa'at yang telah dijelaskanNya.

Pada asasnya *al-maslahah* biarpun digambarkan oleh ulamak melalui berbagai dimensi namun hakikatnya mempunyai maksud yang sama iaitu gambaran tentang sesuatu yang mendatangkan manfaat atau menolak kemudaratan. Oleh yang demikian, penulis ingin merumuskan bahawa *al-maslahah* ialah sesuatu yang membawa kepada terpeliharanya kehendak *al-Syā'i'* (Allah) dengan terhindarnya kerosakan (*al-mafāsid*) terhadap makhluk.

Perkataan *fatwā* pula adalah berasal daripada bahasa Arab yang diterjemahkan ke bahasa Melayu menjadi fatwa. Ia membawa maksud, keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan lagi) berdasarkan nas *al-Qur'an*, *al-Hadīth* dan sumber-sumber hukum yang lain, termasuk ijtihad oleh mufti (atau mereka yang berfikir tentang keputusan hukum syarak).

8. Ulasan Penulisan (*Review of literature*)

Kajian mengenai pemakaian *maṣlahah* dalam fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan adalah usaha mensabitkan hukum mengikut prinsip maslahah. Setakat kajian ini dilakukan, tidak terdapat kajian-kajian khusus mengenai tajuk di atas.

Meskipun begitu terdapat banyak buku berkaitan dengan konsep *Maṣlahah* dan pengamalannya sebagai salah satu sumber hukum. Di antaranya ialah *al-Muwāfaqāt* karangan Abū Ishāq al-Syātibī, *Dawābiṭ al-Maṣlaḥah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah* karangan Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭi, *al-Fatāwā al-Kubrā al-Fiqhiyyah* karangan Ibn Ḥajar al-Ḥaithamī, *Naẓariyyah al-Maṣlaḥah Fi al-Fiqh al-Islāmī* oleh Ḥusayn Ḥāmid Ḥasan *Ṣifah al-Fatwā Wa al-Muftī Wa al-Mustafī* karangan Imām Alḥmad bin Ḥamdān al-Ḥarrānī *Kitab al-Fatwā fī al-Islām* karangan Jamal al-Din al-Qāsimī, dan sebagainya.

Di peringkat Ijazah Pertama terdapat satu penulisan yang agak mirip dengan kajian ini, akan tetapi skop kajiannya menumpukan kepada pemakaian

al-Maṣāliḥ al-Mursalah dalam fatwa Kebangsaan seperti kajian Muhammad Nabli bin Abdul Wahab yang bertajuk "**Penggunaan al-Maṣāliḥ al-Mursalah dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia**".

Terdapat juga sebuah buku yang memuatkan koleksi-koleksi khusus mengenai penggunaan prinsip *maṣlahah* yang telah diterbitkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bertajuk "**Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean**" yang telah disunting oleh Abdul Munir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid. Kertas-kertas kerja yang dimuatkan juga tidak membicarakan penggunaan maslahah ini secara terperinci.

Di sinilah keperluan kajian ini dirasakan perlu, kerana ia bukan sahaja kajian tentang *maṣlahah*, tetapi mengkhususkan kajian tersebut kepada fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan.

Meskipun penulisan-penulisan terdahulu tidak benar-benar menepati topik penulisan disertasi ini, tetapi ia banyak membantu kajian ini terutama dalam membina landasan teori yang jelas.

9. Metode Kajian

Antara metode-metode penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah :-

- a. Metode Pengumpulan Data

i. Metode Historis

Metode ini digunakan untuk mendapatkan data-data mengenai latar belakang pentadbiran dan pemprosesan segala masalah yang timbul sehingga dapat mencapai satu kesimpulan hukum. Setelah ahli muzakarah mengemukakan pandangan masing-masing dan dibincangkan, keputusan akan dibuat secara sebulat suara, akan tetapi andainya tiada kesepakatan ahli maka pengundian akan dijalankan berdasarkan dua pertiga ahli dan seterusnya dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja untuk diperkenankan.

ii. Metode Dokumentasi

Metode ini merupakan cara pengumpulan data yang utama digunakan dalam kajian ini. Ia meliputi penelitian terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah yang dikaji sama ada secara langsung ataupun tidak.

Metode ini digunakan untuk mengumpulkan data mengenai konsep *maṣlahah* sebagai sumber hukum dan pandangan para fuqaha' mengenainya. Ia juga digunakan untuk mendapatkan data-data dan maklumat berkaitan dengan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan.

Kajian perpustakaan juga dilakukan terhadap penulisan-penulisan terdahulu sama ada dalam bahasa arab ataupun bahasa Malaysia. Data-data yang diperolehi sama ada mempunyai kaitan secara langsung dengan kajian atau tidak, diperolehi melalui buku-buku, risalah, fatwa-fatwa yang difaiklan dan kajian-kajian ilmiah yang lalu. Untuk tujuan ini, penulis telah menggunakan tiga perpustakaan utama iaitu Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Pusat Islam dan Perpustakaan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam. Metode ini digunakan dengan maksima dalam dua bahagian penulisan yang menjadi landasan teori kepada kajian ini.

iii. Metode Lapangan

Metode ini juga digunakan untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan fatwa-fatwa, perkembangan dan pemakaianya. Metode temubual telah digunakan dalam proses ini dan ia melibatkan Pegawai Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang terlibat secara langsung dalam pengendalian setiap muzakarah iaitu Haji Awang Mat Ali. Temubual telah dijalankan pada hari Khamis 7 Mac 2002 jam 10 pagi di bangunan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang terletak di Putrajaya.

b. Metode Penganalisaan Data

Dalam menganalisa maklumat dan data yang terkumpul penulis telah menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif.

Melalui metode induktif atau mengemukakan data yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan yang bersifat umum, penganalisaan telah dibuat berdasarkan data-data yang diperolehi melalui penulisan para fuqaha' yang berkaitan terutama di bah pertama dan kedua.

Metode deduktif pula mempunyai makna yang berlawanan dengan metode induktif iaitu mengemukakan suatu pernyataan dan seterusnya memberikan bukti-bukti yang menjadi hujjah bagi pernyataan itu. Metode ini digunakan untuk membuktikan hipotesis kajian ini terutama mengenai wujudnya pemakaian konsep *maṣlahah* dalam fatwa. Tumpuan metode ini digunakan dalam bahagian ketiga.

Manakala penggunaan metode komparatif yang bermaksud kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi ketika kajian dibuat, digunakan dalam menghuraikan sejauhmana pemakaian konsep *maṣlahah* dalam menghukumkan sesuatu masalah.

10. Pembahagian Bab

Kajian ini merangkumi tiga bahagian. Bahagian pertama merangkumi empat fasil:

- i. Huraian tentang dasar pertimbangan ulamak dalam menentukan hukum berdasarkan prinsip *maṣlaḥah* dengan menitik beratkan matlamat yang ingin dicapai oleh syariat Islam dengan tanggungjawab perlaksanaan *maṣlaḥah* sehingga terpelihara kemaslahatan dan kepentingan umat bersandar kepada dalil-dalil *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*.
- ii. Huraian tentang definisi-definisinya oleh beberapa ulamak yang merangkumi pengertian *maṣlaḥah* dari sudut bahasa dan istilah - syarak.
- iii. Penjelasan mengenai konsep *al-maṣalih* menurut perspektif syarak dengan menitik beratkan tentang keperluan *darūriyyah*, *ḥājiyyah* dan *tahsīniyyah* terhadap lima aspek penting dalam kehidupan manusia iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.
- iv. Penjelasan mengenai status *maṣlaḥah* yang digunakan pakai, adakah bersandarkan kepada keterangan nas ataupun ditolak.

Manakala bahagian kedua mengandungi lima fasal utama iaitu :

- i. Penjelasan mengenai peranan fatwa dan kewibawaan yang harus ada dalam diri seorang pengeluarkan fatwa.

- ii. Tinjauan mengenai sejarah bagaimana tertubuhnya Majlis Fatwa Kebangsaan dan beberapa garis panduan penubuhan berdasarkan kepada Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.
- iii. Penjelasan mengenai carta organisasi dan struktur Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan.
- iv. Menjelaskan tentang prosidur dan garis panduan yang mesti dipatuhi sebelum keputusan boleh dilakukan.
- v. Fasal ini menerangkan tentang keperluan fatwa dalam Islam serta bagaimana aktiviti fatwa ini memainkan peranan penting dalam menghadapi persoalan-persoalan hidup manusia yang kompleks, di samping beberapa panduan penting bagi seseorang yang ingin mengeluarkan fatwa.
- vi. Manakala bahagian tiga pula menjelaskan tentang penganalisaan terhadap kekerapan penggunaan maṣlaḥah dalam ketetapan hukum yang telah dibincangkan, seterusnya dilakukan pengamatan terhadap keputusan hukum sama ada menepati kehendak syarak ataupun tidak. Pengelasan terhadap fatwa yang telah dikeluarkan berdasarkan kategori tententu bagi memudahkan pengamatan.

vii. Dan fasal terakhir meliputi penutup, rumusan dan cadangan penulis.